



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

## **LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**12 OKTOBER 2024 (SABTU)**

## Lelaki Nepal Didakwa Jerut, Heret Kucing

| MEDIA  | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------|---------|------------|--------|
| KOSMO! | Negara  | Online     | 11 Okt |



Chaudhary ketika hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam dengan ditemani pegawai DVS.

SHAH ALAM – Seorang lelaki warga Nepal yang sebelum ini dikenakan waran tangkap dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan mengheret seekor kucing menggunakan motosikal pada bulan lalu.

Dipak Chaudhary, 44, selaku Orang Kena Saman (OKS) bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Rasyidah Ghazali.

Chaudhary sebelum dikenakan waran tangkap selepas tidak hadir pada prosiding

pertuduhan yang dilaksanakan pada 2 Oktober lalu.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu bersama-sama rakannya, Monotosh, 41, yang telah dituduh sebelum ini telah dengan kejam mengheret kucing dengan alat penjerut sambil menunggang motosikal SYM di kawasan perumahan Long Branch Residence, Seksyen 31, di sini antara pukul 2 hingga 2.15 petang, 7 September lalu.

Pegawai Pendakwa Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (DVS) , Mohd. Sharif Sabran tidak menawarkan sebarang jaminan susulan OKS tidak mempunyai ahli keluarga di negara ini.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang pekerja pembersihan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan mengheret seekor kucing menggunakan motosikal pada bulan lalu. – [KOSMO! ONLINE](#)

## Anjing Tular Bernama Kopi Mati Dipercayai Ditembak

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Sinar Harian | Semasa  | Online     | 12 Okt |



Anjing liar yang diberi nama Kopi mula menjadi tular pada Mac lalu selepas videonya bermain dengan anak kucing terbiar.

SHAH ALAM - Anjing liar diberi nama Kopi yang pernah tular pada Mac lalu selepas videonya bermain dengan anak kucing terbiar, di sebuah taman perumahan di Terengganu ditemui mati dipercayai ditembak.

Akaun Facebook My Forever Doggo (MFD) berkongsi video berdurasi 52 saat yang memaparkan anjing liar itu mati akibat kecederaan serius.

Menurut MFD, kejadian itu disedari seorang penduduk di taman perumahan itu selepas terdengar bunyi tembakan

kuat.

"Dia bergegas keluar dari rumahnya dan mendapati Kopi terbaring berlumuran darah dalam keadaan kesakitan, sayangnya Kopi tidak sempat diselamatkan," kata MFD.

Kopi mula menjadi tular pada Mac lalu selepas videonya bermain dengan anak kucing terbiar disiarkan pengguna TikTok AbbyRaz, yang sehingga kini ditonton lebih 159,800 kali.

Sementara itu, Persatuan

Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) dengan tegas mengutuk tindakan tidak berperikemanusiaan yang telah meragut nyawa Kopi.

"Kami menuntut agar Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Kebajikan Haiwan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar segera menjalankan siasatan menyeluruh terhadap kejadian ini.

"Siapa yang bertanggungjawab memberikan lesen atau kebenaran untuk tindakan kejam ini? Ia jelas melanggar etika dan nilai kemanusiaan," katanya.-[SINARHARIAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR